

Anwar: Rakyat sudah tak takut turun ke jalan raya
Malaysian Insider
Mei 1, 2014
Oleh Jamilah Ibrahim Dan Looi Sue-Chern

Ketua Pembangkang Datuk Seri Anwar Ibrahim memberi amaran kepada Putrajaya bahawa rakyat kini sudah tidak lagi gentar untuk turun ke jalan raya bagi menyuarakan bantahan mereka terhadap kerajaan.

Bercakap di hadapan kira-kira 20,000 peserta demonstrasi Bantah Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST), Anwar berkata jumlah kehadiran rakyat yang hadir membuktikan GST tidak diterima kerana hanya memperkayakan kroni.

"Tuhan ada bersama kita dan kita ada kuasa rakyat.

"Kita sudah memeranjatkan kerajaan dengan demonstrasi ini.

"Mesejnya jelas rakyat menolak GST yang memperkayakan kroni," katanya ketika berucap di atas pentas berhadapan Bangunan Sultan Abdul Samad di Kuala Lumpur hari ini.

Dalam perhimpunan yang diadakan sempena sambutan Hari Buruh, Anwar berkata ramai pemimpin Pakatan Rakyat (PR) menerima aduan ramai rakyat yang mengeluh kerana beban kos sara hidup dan kesannya jika GST terus dilaksanakan.

Sementara itu, kesempatan juga digunakan orang ramai mengkritik kerajaan menangani misteri kehilangan pesawat penerbangan Malaysia Airlines MH370 sehingga negara dikritik hebat oleh masyarakat global.

Sebelum itu, orang ramai mula berkumpul di empat lokasi utama iaitu KLCC, Sogo, Dataran Maybank dan Jalan Raja Laut sebelum mula berarak menuju perkarangan Dataran Merdeka kira-kira 2 petang.

Demonstrasi 1 Mei dianjurkan oleh gabungan bersama 95 badan bukan kerajaan (NGO).

Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak semasa membentangkan Bajet 2014 di Parlimen pada Oktober tahun lalu berkata, GST akan mula berkuatkuasa pada April 2015.

Ramai menjangkakan harga barang akan meningkat jika GST dilaksanakan dan menyebabkan beban tanggungan isi rumah.

Bertemakan "Bantah GST Sampai Tumbang", himpunan bantahan sama turut diadakan di Butterworth, Pulau Pinang dan dihadiri kira-kira 300 peserta anjuran kerajaan negeri dan Kongres Kesatuan Sekerja menyatakan kebimbangan mereka terhadap pekerja dalam pelbagai industri yang bakal menerima kesan GST.

Mereka menuntut supaya kerajaan membatalkan pelan pelaksanaan GST, memberikan RM300 elaun Cola serta menaikkan jumlah gaji minimum daripada RM900 kepada RM1,500.

Antara penceramah termasuk Timbalan Ketua Menteri II Dr P Ramasamy, Pengerusi Bersih (Utara) Datuk Dr Toh Kin Woon dan Ahli Dewan Undangan Negeri Machang Bubuk Lee Khai Loon.

"Kehadiran tidak memberangsangkan kerana mungkin mereka takut risiko diberhentikan kerja.

"Mereka diberitahu yang perhimpunan ini adalah haram kerana ada akhbar yang melaporkan kita tak dapat permit polis.

"Tetapi ini tidak benar kerana media tidak mendapatkan pengesahan daripada kita.

"Kita sebenarnya ada permit," katanya. – 1 Mei, 2014.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source: <http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/anwar-rakyat-sudah-tak-takut-turun-ke-jalan-raya>